

Metodologi pendakwah dalam program bimbingan remaja wanita bermasalah di Dar As-Saadah, Raudhatus Sakinah dan Rumah Puteri Arafiah

Nurul Badriyah binti Ali¹

¹ Jabatan Qur'an dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Selangor, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 10 Februari 2017

Disemak: 13 April 2017

Diterbit: 27 Jun 2017

*Corresponding Author: **Nurul Badriyah binti Ali**, *Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Selangor, Malaysia*;
Email:
badriyah1089@gmail.com

Abstrak: Berdakwah memerlukan strategi dan metodologi tertentu bagi menjamin keberkesannya, lebih-lebih lagi apabila melibatkan remaja bermasalah. Kesukaran dalam berdakwah dapat diatasi sekiranya metodologi dakwah yang betul dapat dipraktikkan, khususnya bagi golongan yang sukar menerima dakwah dengan hati yang terbuka. Justeru, kajian ini bertujuan meneliti metodologi yang digunakan oleh pendakwah dalam program bimbingan kepada remaja yang bermasalah di Dar As-Saadah, Raudhatus Sakinah dan Rumah Puteri Arafiah supaya dapat dijadikan panduan sekaligus diaplikasikan oleh para pendakwah dalam menangani isu sosial remaja. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode lapangan melalui temubual kepada pembimbing program di pusat-pusat bimbingan dan pemerhatian ke atas suasana dakwah yang dijalankan di sana. Hasil kajian ini menunjukkan pendakwah di semua pusat bimbingan menggunakan metodologi pembersihan jiwa, berlemah lembut dan bertegas mengikut keadaan, menyediakan suasana persekitaran kondusif, berusaha menjadi sahabat kepada remaja bermasalah, berperingkat-peringkat dalam berdakwah, menghidupkan sunnah Rasulullah SAW, mementingkan disiplin dalam berdakwah dan melengkapkan diri dengan kemahiran hidup.

Kata kunci: dakwah; metodologi; remaja wanita bermasalah; Dar As-Saadah; Raudhatus Sakinah; Rumah Puteri Arafiah.

Abstract: Dakwah in Islam requires fine strategies and right methodologies in order to make it acceptable, specifically in dealing with problematic teenagers. The journey of dakwah became easy if the right approaches has been applied, specifically to the people who have intolerable reaction towards dakwah. Hence, this article aims to study methodologies of dakwah which had been applied in three rehabilitation centers for problematic girls in Malaysia, Dar As-Saadah, Raudhatus Sakinah and Rumah Puteri Arafiah, in order to make their methodologies as an example to deal with sosial issues. This article used field research, which contains results of interviews and observations of rehabilitation session in these three centers. The results show that; the methodologies used in these three centers including: purification of souls, gentle and firm approaches towards suitable situations, providing a conducive environment, trying to be friendly and kind throughout dakwah process, applying stage by stage approaches, encouragement of applying Sunnah in life, application of good discipline in daily routines and providing them with good skills to build brighter future.

Keywords: dakwah; methodology; girl problematic teenagers; Dar As-Saadah; Raudhatus Sakinah; Rumah Puteri Arafiah.

Pengenalan

Dar Assaadah merupakan sebuah pusat bimbingan remaja perempuan bermasalah di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Malaysia. Pusat ini terletak di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Urusan berkenaan pusat ini diselenggarakan oleh barisan pembimbing terlatih di bawah pengawasan Ustazah Zaidatul Hafizah yang digelar pengetua. Penghuni Dar Assaadah berumur dalam lingkungan 18 ke 35 tahun.

Berkongsi tujuan yang sama, beberapa pusat bimbingan yang diberi nama Raudhatul Sakinah telah dibina sejak tahun 1998 di lima buah negeri di Malaysia iaitu Selangor, Pulau Pinang, Kelantan, Johor dan Melaka. Pusat ini dikelolakan oleh sebuah organisasi yang dinaungi oleh seorang pengurus, Puan Rosmawati binti Zainal. Penghuni Raudhatul Sakinah adalah remaja yang berusia antara 12 tahun hingga 35 tahun.

Rumah Puteri Arafiah pula merupakan rumah yang telah dibina sejak 5 tahun yang lalu dengan 165 orang pelatih sejak awal penubuhannya sehingga kini. Rumah ini terletak di Shah Alam dan diselia oleh Cik Hazwani yang mesra dipanggil umi oleh para remaja di sana. Penghuni di Rumah Puteri Arafiah berusia antara 12 tahun ke 21 tahun.

Majoriti remaja wanita yang berada di kesemua pusat-pusat bimbingan ini merupakan remaja yang hamil luar nikah. Selain itu, terdapat juga masalah lain seperti liar, mangsa rogol, mangsa sumbang mahram, seks bebas, cabul, lari dari rumah dan ketagihan dadah. Penghuni di semua pusat-pusat pemulihan ini merupakan remaja yang beragama Islam dan merupakan warganegara Malaysia.

Metodologi

Kajian ini merupakan sebuah kajian lapangan. Analisis data dijalankan secara kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui:

1. Temubual dengan pihak pengurusan pusat bimbingan remaja bermasalah, Dar Assaadah, Raudhatul Sakinah dan Rumah Puteri Arafiah untuk mengetahui metodologi pendakwah di pusat-pusat pemulihan tersebut. Temubual dijalankan kepada pengetua Dar Assaadah, Ustazah Zaidatul Hafizah dan pengurus Raudhatul Sakinah, Puan Rosmawati binti Zainal dan penyelia Rumah Puteri Arafiah, Cik Hazwani.

2. Pemerhatian langsung juga dijalankan bagi mendapatkan suasana ketika dakwah dijalankan sebagai data tambahan kepada subjek kajian.

Keputusan & Perbincangan

Hasil analisis kepada data diterjemahkan di bawah satu kesimpulan, metodologi pendakwah di Dar Assaadah, Raudhatul Sakinah dan Rumah Puteri Arafiah antaranya: kaedah pembersihan jiwa, berlemah lembut dan bertegas mengikut keadaan, menyediakan suasana persekitaran kondusif, berusaha menjadi sahabat kepada remaja bermasalah, berperingkat-peringkat dalam berdakwah, menghidupkan Sunnah Rasulullah SAW, mementingkan disiplin dalam berdakwah dan melengkapkan diri dengan kemahiran hidup. Perincian kepada setiap metodologi tersebut adalah seperti berikut:

1. Kaedah pembersihan jiwa

Noor Shakirah Mat Akhir dan Muhammad Azizan Sabjan (2014) menekankan bahawa aspek kerohanian adalah asas kepada pembinaan modal insan kerana sumber diri seorang manusia itu asasnya berbentuk spiritual, bukannya material. Mereka mengangkat nilai-nilai yang terkandung dalam semua agama dengan menonjolkan kepentingan setiap penganut agama untuk mengaplikasikan nilai dalam agama masing-masing, terutamanya mereka yang beragama Islam. Hal ini adalah kerana penyumbang kepada pembinaan akhlak yang baik adalah berkait rapat dengan agama. Justeru, agama merupakan asas kepada pembentukan sahsiah, akhlak, sikap dan tindakan seseorang.

Turut sama menekankan aspek keagamaan dalam pembentukan diri remaja, Basirah (2012) memberikan cadangan terapi melalui konsep *tazkiyah al-nafs* bagi membina kekuatan spiritual remaja bagi membentuk keperibadian dan psikologi yang kukuh. Konsep yang dicadangkan merangkumi empat tingkatan: pertama: taubat, kedua: sabar, ketiga: harapan dan keempat: takut. Kesemua tingkatan ini jika dikuasai dengan betul dapat membina peribadi remaja yang cemerlang di dunia dan akhirat.

Allah berfirman yang bermaksud:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Qur'an yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman. (Surah Yunus: 57).

Jelas melalui ayat di atas, Allah telah membekalkan penawar kepada setiap penyakit dalaman yang dihadapi oleh masyarakat melalui Al-Qur'an, iaitu dengan mengaplikasikan isi

kandungannya di dalam kehidupan. Oleh itu, kaedah pembersihan jiwa seharusnya menjadi asas utama dalam membimbing masalah remaja dan memulihkan mereka daripada penyakit-penyakit moral yang membelenggu dalam diri mereka.

Dengan mengaplikasikan kaedah pembersihan jiwa, antara pendekatan yang diambil oleh pendakwah di Dar Assaadah ialah dengan menjalankan aktiviti bermanfaat, memberi ilmu agama dan memberi didikan tentang kepentingan solat dalam kehidupan. Pendakwah di Raudhatus Sakinah dan Rumah Puteri Arafiah juga mengutamakan penghayatan solat dalam diri penghuni dan bimbingan kepada pembinaan akidah dan akhlak yang sempurna sebagai seorang muslimah. Selain itu, pendekatan membersihkan diri melalui solat sunat tahajud, solat taubat dan *qiamullail* digunakan bagi tujuan mendekati penghuni kepada Allah.

Kepentingan solat dan penghayatannya dalam diri seseorang telah disebutkan oleh Abdul Rashid (2003) yang menjelaskan bahawa solat merupakan adunan dua unsur penting dalam diri manusia; rohani dan jasmani. Solat mampu menjadi sumber ketenangan dan kekuatan jiwa. Dari aspek akhlak, solat mempunyai kemampuan untuk menjadikan pelakunya menyedari kesilapan dan memuhasabah diri.

Selain penekanan kepada kepentingan solat, ketiga-tiga pusat bimbingan ini turut membiasakan remaja dengan rutin keagamaan lain seperti menghafaz surah-surah pilihan dan berzikir pada waktu terluang. Penyelia Rumah Puteri Arafiah menyatakan bahawa kaedah ini berupaya mengalihkan perhatian remaja daripada menyibukkan minda dan emosi mereka dengan perkara negatif.

Hasil kajian Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen (2012) menunjukkan bahawa remaja yang terpengaruh dengan masalah sosial mempunyai pengetahuan agama yang sederhana dan tidak meyakinkan. Justeru, remaja memerlukan pegangan agama yang kukuh sebagai benteng penghalang daripada perlakuan negatif. Walaupun begitu, penting untuk disebutkan bahawa majoriti remaja yang telah terlibat dalam gejala sosial ini sangat bersetuju bahawa mereka mempunyai rasa ingin mendalami agama dan mahu berubah serta bersedia untuk menerima bimbingan dan pemuliharaan akhlak dengan hati yang terbuka.

Jelas melalui pernyataan tersebut, remaja yang bermasalah tingkah laku turut mempunyai rasa untuk menjadi manusia yang lebih baik dan meninggalkan tabiat negatif dalam hidup mereka. Perasaan dan semangat ingin berubah itu akan lebih diperkukuh apabila mereka menerima bimbingan

kerohanian yang mantap dan berlandaskan akidah dan amalan Islam yang betul.

2. Berlemah lembut dan bertegas mengikut keadaan

Menurut Mohd Ismail b. Mustari (2006), hasil kajian mereka mendapati bahawa responden yang terdiri daripada masyarakat Muslim sangat bersetuju bahawa pendakwah perlu bijaksana dalam menjalankan dakwah mereka bagi memastikan keberkesannya. Justeru, para pendakwah perlu memainkan peranan mereka dengan bijaksana supaya penerima dakwah berasa selesa dan terkesan dengan dakwah yang mereka laksanakan. Memilih pendekatan yang sesuai sama ada berlembut ataupun bertegas juga merupakan salah satu kebijaksanaan pendakwah dalam berdakwah. Hal ini kerana tidak semua keadaan memerlukan ketegasan begitu juga kelembutan tidak mampu menjadi satu-satunya pendekatan dakwah kepada setiap keadaan masyarakat.

Di Dar Assaadah, kebanyakan pendakwah lebih memilih untuk bertegas dengan remaja sepanjang mengendalikan program, bertujuan mendidik dan mendisiplinkan mereka. Walaupun begitu, pendekatan lembut turut digunakan dalam sesetengah keadaan terutamanya apabila terdapat penghuni yang tidak mampu menerima dakwah yang dijalankan secara tegas. Selain itu, terdapat antara pendakwah yang dikenali dalam kalangan penghuni sebagai pendengar masalah yang baik dan orang yang berlembut ketika berurusan. Hal ini menjadikan penghuni tidak tertekan sepanjang tempoh program walaupun terikat dengan jadual program yang ketat kerana mereka mempunyai tempat untuk bersandar ketika mempunyai masalah.

Kaedah berlembut ini telah disebutkan oleh Ustazah Zaidatul Hafizah:

“Ada satu kes seorang remaja yang sangat susah mengikut aktiviti tarbiyah di sini, suka memberontak dengan mendiamkan diri dan tidak menumpukan perhatian di dalam kelas. Dia tidak terkesan walaupun dimarahi pihak pengurusan. Tetapi, apabila pengetua cuba mendekati dan mengambil berat, barulah dia mudah bercerita dan menerima pengajaran di sini. Dia memberitahu bahawa dia sebenarnya mangsa masalah keluarga. Ibu bapa remaja itu telah bercerai dan merebutkan hak penjagaan ke atas dirinya. Akhirnya dia dibesarkan di rumah perlindungan sejak berumur 15 tahun lagi.”

Puan Rosmawati pula menjelaskan bahawa semua pendakwah di Raudhatus Sakinah akan mengelakkan diri sejauh-jauhnya daripada berkasar, memaki ataupun memukul. Mereka berpegang teguh

dengan pendekatan dakwah dengan kasih-sayang dan membina ukhuwwah untuk menyentuh hati terutamanya apabila melibatkan remaja pada zaman moden. Namun, ketegasan juga perlu diaplikasikan jika berhadapan dengan remaja yang sukar menerima bimbingan disebabkan terlalu lama hidup dalam suasana negatif sebelum ini.

Bagi pendakwah di Rumah Puteri Arafiah pula, selain bertegas dalam mendisiplinkan remaja supaya tidak terlibat lagi dengan gejala negatif, kebebasan-kebebasan tertentu tetap diberikan supaya mereka tidak terlalu berasa tertekan, contohnya dengan memberikan keizinan menggunakan telefon bimbit dan internet. Cik Hazwani menyebutkan bahawa menghalang remaja secara terus dan keras daripada menggunakan telefon bimbit dan internet bukanlah sesuatu yang betul. Hal ini kerana sebahagian sesi pembelajaran masa kini menggunakan perkhidmatan tersebut. Begitu juga dengan kebebasan untuk ke sekolah ataupun tempat-tempat penting harus diberikan kepada remaja. Namun, terdapat garis panduan yang seharusnya digariskan dalam memberi kebebasan ini. Pemantauan secara berterusan dalam membina kesedaran remaja untuk menjauhi jenayah dan gejala negatif perlu seiring dengan keizinan untuk mereka bebas dalam menjalani kehidupan sebagai remaja.

Hal ini bersesuaian dengan kenyataan Mohd Dahlan dan Ida Shafinaz (2010) yang menyebutkan bahawa dunia siber telah menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia. Penafian kepada kepentingan teknologi dalam hidup seseorang boleh membawa kepada masalah yang lebih besar. Walaupun begitu, kesan-kesan negatif daripada penyalahgunaan teknologi adalah ketara terutamanya kepada para remaja, antaranya melalui penyebaran pornografi, penipuan, pelacuran, penyeludupan, pelaburan haram, aktiviti seks bebas dan rogol. Justeru, selain pantauan daripada ibu bapa, pengenalan undang-undang jenayah siber, program-program pembinaan insan dan penubuhan kelab pencegahan jenayah, hal utama yang paling penting adalah kesedaran remaja itu sendiri dalam menggunakan kecanggihan teknologi dengan betul.

Melalui penerangan-penerangan di atas, kaedah bertegas dan berlembut mengikut keadaan merupakan salah satu metodologi yang perlu ditekankan oleh pendakwah dalam mengatasi masalah-masalah berbeza yang dihadapi oleh masyarakat, khususnya remaja. Sifat terlalu tegas yang berterusan hanya akan menjauhkan para remaja daripada pembimbing mereka dan sifat terlalu berlembut secara berterusan dalam dakwah hanya akan membuatkan dakwah tidak berkesan kepada sesetengah keadaan.

3. Menyediakan suasana persekitaran kondusif

Menurut Raihanah Haji Abdullah (1998), masalah moral dalam masyarakat Muslim berlaku disebabkan beberapa faktor utama, antaranya: pembangunan sosio-ekonomi, peribadi individu itu sendiri serta faktor-faktor persekitaran. Pernyataan tersebut menunjukkan bahawa persekitaran yang baik dapat memberi impak positif kepada manusia untuk berakhlak mulia. Justeru, penyediaan persekitaran yang kondusif adalah menjadi kemestian dalam menyokong pembinaan sahsiah para remaja.

Contohnya di Dar Assaadah, pendakwah berusaha untuk menyediakan suasana yang tenang, tidak menekan emosi remaja dan memberi sedikit kelonggaran untuk menyertai aktiviti penting bersama keluarga. Kebiasaannya remaja yang berada di pusat-pusat bimbingan ini merupakan golongan yang sering bebas sebelumnya. Hal ini menyebabkan mereka cenderung berasa tertekan sepanjang menjalani *tarbiyah* ditambah dengan gaya hidup yang berbeza daripada sebelumnya, terutama sekali bagi mereka yang dipaksa oleh ibu bapa untuk mendapatkan bimbingan dan pemulihan sedangkan mereka langsung tidak berminat menyertainya. Bertujuan mengurangkan ketegangan emosi para penghuni, pendakwah Dar Assaadah memberikan peluang untuk pulang ke rumah masing-masing pada beberapa peristiwa besar seperti kenduri kahwin saudara-mara, kematian ataupun sakit. Pelepasan cuti yang diberikan oleh pihak pengurusan biasanya antara dua ke tujuh hari. Hal ini menunjukkan bahawa pihak pembimbing telah berusaha untuk menyediakan persekitaran yang baik bagi remaja dengan memelihara emosi mereka supaya sentiasa dalam keadaan tenang dan tidak terlalu tertekan.

Raudhatus Sakinah berbeza sedikit peraturannya dengan Dar Assaadah kerana langsung tidak memberikan pelepasan kepada penghuni untuk pulang ke rumah walaupun pada hari raya, ramadhan dan cuti umum. Peraturan ini bertujuan mempersiapkan diri remaja dengan sempurna dan mengelakkan mereka terdedah kepada suasana yang tidak sihat di luar. Namun, ketika jati diri remaja telah kuat untuk mengharungi cabaran dunia luar, mereka akan dibenarkan pulang. Hal ini adalah kerana pendakwah di sana percaya bahawa persekitaran dan sokongan sekeliling amat penting bagi remaja untuk terus istiqamah dalam perubahan. Tidak dapat dinafikan bahawa persekitaran negatif berupaya untuk membuatkan para remaja kembali kepada kehidupannya yang lama. Antara remaja yang kembali kepada gejala negatif ini adalah mereka yang berasal daripada keluarga bermasalah seperti ibu bapa yang aktif menagih dadah dan adik beradik yang selalu bertengkar di rumah.

Puan Rosmawati menyebutkan tentang hal ini: *“Semasa awal bimbingan Raudhatus Sakinah bermula, beberapa pelatih yang sudah mulai berubah kepada yang lebih baik telah diberi pelepasan untuk pulang ke rumah, mereka kembali menjadi dirinya yang lama semula. Oleh itu, kami mengambil tindakan untuk tidak membenarkan para pelatih pulang ke rumah sehingga program pemulihan tamat.”*

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa pendekatan dakwah yang digunakan di Rumah Puteri Arafiah juga adalah dengan menyediakan ‘*bi’ah solehah*’, iaitu suasana yang baik kepada penghuni. Mereka percaya bahawa keselesaan penghuni berada di pusat bimbingan akan membantu proses dakwah dan *tarbiyah*.

Persekitaran positif ini mampu dibentuk dengan penerapan asas keimanan yang betul. Menurut Abdul Rashid (2003), suasana harmoni adalah merupakan kesan daripada penghayatan akidah yang kuat dalam diri manusia. Apabila manusia mempunyai keimanan yang kukuh, mereka akan cenderung untuk berada dalam kehidupan yang sihat, jauh daripada maksiat, berdisiplin, saling menghormati dan mengasihi sesama sendiri. Justeru, remaja yang tinggal dalam persekitaran yang baik ini akan cenderung untuk memiliki peribadi yang baik dan saling mendorong dalam kebaikan kerana mereka mempunyai matlamat yang sama dan berjuang berubah semata-mata demi mendapatkan keredhaan Allah.

4. Berusaha menjadi sahabat kepada remaja bermasalah

Menurut Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad & Noorhasliza Mohd Nordin (2012), remaja yang bermasalah sosial majoritinya menghadapi masalah tidak mempunyai hubungan yang positif dengan ibu bapa dan keluarga. Kerenggangan antara ibu bapa dan anak ini telah membawa kepada keterlibatan remaja tersebut dengan aktiviti seks bebas. Di samping itu, mereka cenderung untuk terjebak dengan masalah sosial dengan pengaruh rakan sebaya serta penggunaan internet yang berleluasa dan tidak dipantau.

Apabila difokuskan kepada masalah kekurangan perhatian dan kerenggangan hubungan kekeluargaan, jelas sekali bahawa hal negatif ini mampu membawa kepada kebiasaan remaja untuk menzahirkan rasa kasih dan sayang mereka pada tempat yang tidak sepatutnya sekaligus membawa mereka kepada penglibatan dalam pergaulan dan seks bebas. Disebabkan kebanyakan mereka sudah sebat

dengan gejala negatif sebelum ini, mereka perlu dibimbing melalui pendekatan yang lebih menyentuh perasaan dan penuh dengan perhatian serta dengan cara menyalurkan harapan buat mereka. Dengan ini, remaja lebih rasa dihargai, disayangi dan diberi peluang untuk membetulkan kesilapan mereka.

Sebagai contoh, pendakwah di Raudhatus Sakinah menggunakan kaedah berdakwah mengikut peredaran zaman. Disebabkan remaja hari ini lebih mudah terkesan dengan kaedah yang mesra dan tidak memaksa, pendakwah membina hubungan baik antara mereka dengan penghuni. Mereka berusaha menjadi sahabat kepada mereka sekaligus menjadi pendengar yang baik serta bersabar dan bersungguh-sungguh dalam berdakwah. Mereka percaya bahawa keselesaan penghuni berada di pusat bimbingan akan membantu proses *tarbiyah*. Puan Rosmawati menjelaskan:

“Kami tidak menggunakan sebarang kekerasan seperti pukul, herdik, tengking dan lain-lain. Kami yakin pendekatan kasih sayang dan prihatin akan lebih menyentuh hati remaja pada zaman moden ini untuk berubah. Ini adalah kerana cara berdakwah itu sendiri berubah mengikut zaman.”

Pernyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa pendakwah di Raudhatus Sakinah akan mengelakkan diri sejauh-jauhnya daripada berkasar, memaki ataupun memukul. Mereka berpegang teguh dengan pendekatan dakwah dengan kasih sayang dan membina *ukhuwwah* untuk menyentuh hati para remaja. Pendakwah juga akan berusaha untuk merapatkan hubungan dengan penghuni, bersabar dalam mendidik, bersungguh-sungguh menerapkan ilmu agama dan menjadi sahabat kepada mereka sekaligus menjadi pendengar yang baik.

Rumah Puteri Arafiah turut menggunakan kaedah kasih sayang dan memahami keadaan remaja sepanjang sesi bimbingan diadakan. Cik Hazwani menyebutkan:

“Kita tak tahu bebanan yang mereka tanggung. Daripada apa yang mereka cerita, 10 peratus pun belum tentu betul menceritakan tekanan mereka dan apa yang pernah terjadi dalam hidup mereka. Sebab itulah kita di sini cuma nak bagi mereka kesedaran, bukan semata-mata salahkan mereka atas apa yang telah berlaku.”

Jelas melalui pernyataan ini, pendakwah hanya merupakan seseorang yang mengajak kepada kebaikan, membimbing manusia dengan cara yang berkesan tanpa menghukum mereka, menyalahkan mereka dan memaksa mereka untuk berubah tanpa mengira kepayahan dan cabaran yang mereka hadapi. Suraiya Ishak (2011) menyebut bahawa Rasulullah sendiri sebagai ikon pendakwah telah mempraktikkan

kaedah membina hubungan baik ini. Wajah baginda sentiasa ceria dan murah senyuman, mudah mesra dan rajin bertanya khabar. Baginda bergurau senda dengan kaum keluarga dan para sahabat serta sentiasa berdamping dengan setiap pengikut baginda tanpa mengira status mereka. Baginda sentiasa berlemah-lembut dalam tingkah laku dan perkataan serta peka terhadap emosi orang lain.

5. Berperingkat-peringkat dalam berdakwah.

Pendakwah di Dar Assaadah sangat menitikberatkan keinginan remaja untuk berubah sepanjang program dakwah dijalankan. Mereka tidak terlalu memaksa-maksa mereka dalam *tarbiyah* kerana mereka yakin bahawa pemulihan memerlukan keinginan yang kuat. Ustazah Zaidatul Hafizah berkata:

“Kesedaran dalam diri mereka sendiri yang amat penting untuk mereka terus berubah. Jika hati tidak mahu, perubahan akan menjadi susah walaupun dipaksa oleh mana-mana pihak.”

Mereka juga peka kepada perbezaan masalah setiap remaja, latar belakang dan pengetahuan agama mereka yang tidak sama. Justeru, mereka akan berdakwah dengan cara membiasakan penghuni dengan disiplin pusat bimbingan pada awalnya, memberi pendedahan agama langkah demi langkah dan bersedia menunggu perubahan penghuni yang rata-rata mencecah sehingga enam bulan sejak mula mendaftar.

Pendakwah di Raudhatus Sakinah juga menggunakan pendekatan *tadarruj* sepanjang program dakwah dijalankan, iaitu berperingkat-peringkat dalam berdakwah. Seperti pendakwah di Dar Assaadah juga, mereka tidak memaksa-maksa dalam mendidik penghuni. Menurut Puan Rosmawati, pendekatan yang berperingkat ini lebih memberikan ruang kepada remaja untuk membiasakan diri dengan kebaikan tanpa dipaksa oleh orang lain. Lama-kelamaan, mereka sendiri mahu berubah setelah menyedari kesalahan dan dosa yang telah dilakukan. Berdakwah kepada remaja bermasalah sedikit berbeza kaedahnya disebabkan kebanyakan mereka sudah terbiasa dengan keadaan yang jauh daripada pemahaman dan aplikasi agama yang sebenar. Oleh itu, dakwah kepada mereka lebih berkesan sekiranya dilakukan secara perlahan-lahan bermula dengan pengukuhan akidah yang betul, pendidikan mengenai penghayatan amalan bagi membentuk kekuatan spiritual serta menggalakkan mereka supaya berterusan dalam kebaikan. Puan Rosmawati menjelaskan hal ini:

“Pada awal 3 bulan pertama, pelatih belajar untuk menstabilkan emosinya. Kemudian kita akan

boleh melihat beberapa perubahan kerana mereka yang mulai menyedari kesilapan yang telah dilalui sebelum masuk ke Raudhatus Sakinah. Setelah 6 bulan, mereka sudah mulai bersedia membuat pengorbanan untuk menghijrahkan diri. Keberkesanan perubahan ini berbeza mengikut tahap keseriusan kes, latar belakang pelatih dan sikap mereka sendiri.”

Pendakwah di Rumah Puteri Arafiah juga percaya bahawa tempoh keberkesanan dakwah kepada penghuni adalah berbeza. Justeru, pendekatan yang digunakan juga berbeza mengikut latar belakang, masalah dan tahap penerimaan penghuni kepada dakwah. Bagi memastikan kelancaran dakwah dan keberkesanannya, pendakwah berusaha mengenali setiap seorang daripada penghuni agar dapat menyediakan pelan dakwah mengikut peribadi dan keseriusan masalah mereka.

Abdul Rashid Ahmad (2003) menyebut bahawa keimanan kepada Allah yang disebut sebagai *aqidah rabbaniyyah* akan melahirkan perasaan *muraqabah* iaitu perasaan pengawasan diri terhadap Allah seterusnya rasa tanggungjawab kepada diri sendiri. Kesan *aqidah rabbaniyyah* ini jelas sebagai motivasi kepada pembentukan diri sekaligus menghalang manusia daripada kebuasan nafsu syahwat mereka sendiri. Ini menunjukkan bahawa pemulihan remaja bermasalah dapat dilaksanakan dengan berperingkat-peringkat bermula dengan pengukuhan jati diri dan pembentukan iman yang sempurna sebelum menggalakkan amalan-amalan agama dan menerapkan penghayatan terhadap amalan tersebut.

6. Menghidupkan sunnah Rasulullah s.a.w

Menurut Berhanundin bin Abdullah, Azli Fairuz bin Laki, Zawawi bin Yusoff & Nor Salimah binti Abu Mansor (2016), para rasul dan nabi diutuskan kepada manusia bagi menunjukkan jalan yang benar. Mereka juga mempunyai pendekatan yang sempurna melalui hukum-hukum yang telah digariskan dalam agama, bertujuan mengatasi masalah sosial, keruntuhan akhlak dan kejahatan moral dalam masyarakat. Justeru, keruntuhan moral yang berlaku adalah berpunca daripada keengganan manusia untuk menjalani kehidupan mengikut garis-garis panduan yang telah ditetapkan dalam Islam yang telah sempurna disampaikan oleh Rasulullah kepada Muslimin sehingga hari kiamat.

Zulkifli (2004) menyebut bahawa Al-Quran merupakan manual kepada pengekaln kebaikan dan pencegahan kepada gejala yang melibatkan kerosakan selain dapat memberi solusi kepada masalah umat.

Matlamat tersebut hanya dapat dicapai apabila Rasulullah diletakkan sebagai panduan dan contoh tauladan yang baik dalam mengaplikasikan ajaran Al-Quran tersebut. Hal ini dibuktikan daripada hadis riwayat Al-Bukhari daripada Aisyah yang mengatakan: “*Akhlak baginda adalah Al-Quran.*”

Memahami kepentingan mengembalikan manusia kepada ajaran agama yang sebenar ini, pendekatan dakwah yang telah dilaksanakan di ketiga-tiga pusat bimbingan remaja bermasalah ini adalah dengan menghidupkan sunnah. Pusat-pusat bimbingan ini mendidik dan membiasakan remaja dengan amalan sunat seperti puasa, zikir, solat sunat, mengaji, sedekah dan senyum. Kewajipan berpuasa sunat setiap hari Isnin dan Khamis juga digunakan sebagai salah satu pendekatan kepada sunnah. Pendakwah bukan sahaja menggalakkan amalan puasa sunat ini, bahkan mereka mewajibkan amalan sunat ini kepada para remaja dengan tujuan membiasakan mereka dengan amal kebaikan sekaligus menyucikan jiwa mereka. Mereka percaya bahawa puasa mampu melembutkan hati yang keras.

Kesan positif melalui pendekatan puasa ini jelas dapat dilihat kerana Puan Rosmawati menceritakan:

“Alhamdulillah, banyak perubahan dapat dilihat kesan daripada berpuasa Isnin dan Khamis ini. Secara tidak langsung, mereka berasa terkesan kerana sudah terlalu banyak meninggalkan puasa sebelum ini sehingga tidak berpeluang menikmati manisnya ibadah puasa. Ada pelatih yang sudah terlalu suka berpuasa sehingga ingin berpuasa setiap hari. Saya ingatkan mereka tentang nasihat Rasulullah SAW untuk mengikut cara puasa Nabi Daud iaitu sehari berpuasa, sehari berbuka. Ini kerana kami berusaha keras menghidupkan sunnah dan Rasulullah pernah mengiktiraf puasa Nabi Daud adalah puasa terbaik untuk diamalkan.”

Jelas daripada pernyataan beliau, pendakwah di Raudhatus Sakinah akan sentiasa berusaha memberikan tunjuk ajar dan membimbing para penghuni agar melakukan ibadah dengan betul serta bersesuaian dengan ajaran dan saranan Rasulullah SAW. Hal ini sangat bertepatan dengan kaedah yang diajarkan oleh Rasulullah SAW untuk mengajarkan agama itu sebagaimana yang telah lengkap.

Contohnya, Rasulullah SAW sendiri pernah melalui perlakuan orang ramai yang menganggap kematian anak baginda, Ibrahim merupakan punca kepada kejadian gerhana yang berlaku pada waktu tersebut. Baginda dengan tegas menegah mereka daripada terus beranggapan dan beramal dengan kepercayaan mereka tersebut, semata-mata demi

mempertahankan intipati ajaran agama Islam itu sendiri. Hal ini disebutkan di dalam sebuah hadith baginda yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari daripada Al-Mughirah bin Syu'bah, hadith nombor 1043 yang bermaksud:

“Pada zaman Rasulullah SAW pernah terjadi gerhana matahari, iaitu ketika kematian anak Baginda, Ibrahim. Orang ramai mengatakan bahawa kejadian gerhana ini adalah disebabkan oleh kematian Ibrahim, lalu Rasulullah menegaskan bahawa sesungguhnya gerhana bukanlah berlaku disebabkan kelahiran ataupun kematian seseorang. Jika kalian melihat kejadian gerhana tersebut, solat dan berdoa kepada Allah.”

7. Mementingkan disiplin dalam berdakwah

Mohamad Faizal Mohammad (2014) melalui kajiannya mengenai faktor berlakunya gejala seks dalam kalangan pelajar menunjukkan bahawa antara faktor tersebut adalah pegangan agama yang longgar, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh teknologi. Kesemua faktor ini hanya dapat dibendung dan diatasi melalui bimbingan yang berterusan oleh para pembimbing dengan menerapkan disiplin dalam kehidupan remaja sehingga mereka terbiasa dengan suasana kehidupan baru yang lebih sistematik, berdisiplin, teratur dan positif.

Hasil kajian ini mendapati bahawa ketiga-tiga rumah bimbingan remaja bermasalah mementingkan disiplin ketika menjalankan program. Setiap remaja yang mendaftar di setiap pusat bimbingan ini perlu mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan menjalani kehidupan mengikut jadual yang telah disediakan.

Sebagai contoh, program di Dar Assaadah merupakan program bimbingan bersistem dan mengikut silabus yang telah ditetapkan. Kedatangan ke kelas adalah wajib dan remaja akan menduduki peperiksaan pertengahan dan akhir tahun, seperti sesi pembelajaran di sekolah. Melalui peperiksaan bertulis dan oral yang dijalankan, para pendakwah dapat mengetahui tahap kefahaman penghuni kepada pengajaran dan didikan dalam program.

Pendakwah di Raudhatus Sakinah juga telah mengatur pelan bimbingan tertentu yang perlu diikuti oleh setiap remaja yang mendaftar, berdasarkan latar belakang, pengetahuan dan tahap penerimaan mereka kepada dakwah, termasuklah melalui program ceramah pembersihan jiwa, melazimi perkara-perkara sunat dan mengurus diri sendiri. Puan Rosmawati menjelaskan:

“Setiap pelatih yang melangkah masuk ke Raudhatus Sakinah perlu melalui penilaian awal.

Dari situ, kita merangka gerak kerja bimbingan bagi setiap latar belakang kes.”

Rumah Puteri Arafiah juga membimbing para remaja dengan disiplin, mereka diwajibkan puasa setiap hari Isnin dan Khamis, bangun untuk melaksanakan qiamullail setiap hari bermula seawal jam 4.30 pagi. Remaja juga ditugaskan untuk menghafal surah-surah tertentu serta ujian hafalan ataupun *tasmi'* akan diadakan setiap hari oleh guru yang bertugas. Selain itu, mereka diminta untuk menguruskan diri sendiri dan keperluan harian. Oleh itu, mereka mempunyai jadual harian yang telah ditetapkan bagi melaksanakan urusan-urusan harian seperti memasak, mencuci dan mengemas. Mereka juga diwajibkan untuk solat berjemaah dan mengikuti sesi-sesi pemantapan agama yang telah ditetapkan.

8. Melengkapkan diri dengan kemahiran hidup

Dakwah yang dijalankan di Dar As-Sa'adah, Raudhatus Sakinah dan Rumah Puteri Arafiah tidak terbatas kepada bimbingan kerohanian semata-mata tetapi melibatkan bimbingan mengenai kemahiran hidup seperti memasak, menjahit dan membuat hasil kraftangan. Kemahiran-kemahiran seperti ini jelasnya dapat memperkenalkan remaja dengan perkara-perkara positif dalam hidup sekaligus menyiapkan mereka dengan kemahiran yang dapat digunakan dalam kehidupan seharian selepas tamat sesi bimbingan nanti. Kata Ustazah Zaidatul Hafizah:

“Kami menjemput kaunselor yang berpengaruh daripada luar untuk menaikkan semangat hidup mereka. Selain itu, terdapat slot keselamatan daripada pihak polis, slot kesihatan daripada Kementerian kesihatan dan slot bual bicara santai dengan golongan yang pernah terlibat dengan cara hidup tidak baik tetapi telah berubah menjadi lebih baik”.

Kemahiran-kemahiran hidup diperkenalkan kepada remaja juga adalah bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada remaja supaya dapat mencari pekerjaan setelah tamat sesi bimbingan nanti. Hasilnya, kebanyakan mereka dapat bekerja sebagai tukang jahit, tukang masak, pembuat bakeri dan kuih-muih.

Remaja di Rumah Puteri Arafiah juga mendapat bimbingan kemahiran hidup yang lengkap seperti yang diterangkan oleh Cik Hazwani:

“Mereka belajar masak, buat kek, pavlova dan makanan-makanan yang terkenal sekarang. Mereka juga sudah pandai menjahit jubah, baju kurung, kain, termasuklah cardigan. Bila keluar nanti, mereka tahu apa nak buat. Dengan ilmu

mengaji Al-Quran di sini juga, mereka boleh mengajar mengaji untuk peringkat asas seperti Iqra”.

Menyokong pendekatan ini, kajian Ahmad bin Esa, Zalina@Siti Aishah Abd Aziz & Haerani Mohamad (2014) menyebut bahawa kaedah pengintegrasian bimbingan kerohanian seperti pendidikan Islam dengan bimbingan kemahiran seperti memasak dapat memberi impak yang lebih besar kepada pelatih rumah perlindungan di Malaysia. Kajian itu turut menunjukkan bahawa kaedah tersebut dapat memberikan kesan positif pada diri remaja dengan menambahkan keyakinan mereka untuk mencari pekerjaan.

Kesimpulan

Pemulihan remaja bermasalah memerlukan pendekatan spiritual dan jasmani bagi membolehkan mereka memiliki keperibadian yang utuh dan menjadi modal insan yang cemerlang. Antara pendekatan Islam termasuklah pencegahan dan pengawalan yang merangkumi penghindaran perkara-perkara keji dan pengawalan diri remaja daripada terus terlibat dengan perkara-perkara negatif. Pendekatan kedua pula ialah pengubatan dan rawatan kepada mereka yang sudah terjebak dalam perkara tidak baik dengan bersungguh-sungguh merawat hati mereka dan membawa mereka kembali kepada jalan yang benar. Pendekatan ketiga pula ialah bimbingan dan pembinaan jati diri, pendirian positif dan keperibadian yang baik supaya remaja mampu untuk istiqamah di dalam kebaikan. Kesemua metodologi yang digunakan oleh Dar Assaadah, Raudhatus Sakinah dan Rumah Puteri Arafiah, iaitu: metodologi pembersihan jiwa, berlemah lembut dan bertegas mengikut keadaan, menyediakan suasana persekitaran kondusif, berusaha menjadi sahabat kepada remaja bermasalah, berperingkat-peringkat dalam berdakwah, menghidupkan sunnah Rasulullah SAW, mementingkan disiplin dalam berdakwah dan melengkapkan diri dengan kemahiran hidup jelas sekali bertepatan dengan pendekatan Islam dalam menangani gejala sosial masyarakat. Hal ini menjelaskan bahawa ketiga-tiga pendekatan Islam iaitu: pencegahan, rawatan dan pembinaan akhlak ini telah diaplikasikan oleh pusat-pusat bimbingan remaja bermasalah ini. Justeru, setiap pendakwah yang mengambil bahagian dalam program pemulihan masyarakat daripada penyakit sosial khususnya dalam kalangan remaja boleh menjadikan metodologi pusat-pusat bimbingan ini sebagai rujukan dalam program dakwah mereka ke arah mencapai matlamat pembinaan masyarakat yang bebas gejala sosial.

Rujukan

- Ahmad, E., Zalina@Siti Aishah, A. A., & Haerani, M. (2014). Pengintegrasian latihan masakan dan pendidikan Islam di pusat pemulihan akhlak remaja: analisis kajian rintis. *persidangan antarabangsa kelestarian insan (INSAN2014)*. Johor.
- Berhanuddin, A., Azli, F., Zawawi, Y., & Salimah, N. (2016). Pelaksanaan dakwah kepada masyarakat pribumi Sabah dan Sarawak. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, UNISZA*, Bil. 12, Januari.
- Che Zarrina, S., & Sharifah Basirah, S. M. (2012). Cadangan model psikoterapi remaja Islam berasaskan konsep tazkiyah al-Nafs. *Jurnal Usuluddin, UM*, 49-74.
- Fauziah, I., Norulhuda, S., Khadijah, A., Suhaimi, M., & Noremy & Salina, N. (2012). Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of social sciences and humanities, e-Bangi, UKM*, April, No.1 Vol. 7.
- Husni, A. (2011). *Uswah hasanah (ikon terbaik): ringkasan berkaitan peribadi, adab dan akhlak Nabi Muhammad SAW memelihara kesucian agama dan mempertahankan intipati ajarannya*. Selangor: Institut kajian Hadith (INHAD), KUIS.
- Khadijah, A., Salina, N., Fauziah, I., Noremy, M., & Noorhasliza, M. S. (2012). Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *journal of social sciences and humanities*, No 1, Vol 7, 131-140.
- Mohammad Faizal, M., & Mohd Zaki, I. (2014). Gejala hubungan seks dalam kalangan pelajar: satu kajian kes. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga*. Sabah: UMS.
- Mohd Dahlan, A. M., & Ida Shafinaz, M. K. (2010). *Jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja: cabaran dan realiti dunia siber*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Ismail, M. (2006). *Pemetaan dakwah di Negeri Johor: kajian lokasi, metodologi & pengaplikasiannya di Skudai, Kulai, Pasir Gudang dan Johor Bahru*. UTM: Pusat pengajian Islam dan pembangunan sosial.
- Noor Shakirah, M. A., & Muhammad Azizan, S. (2014). Pembangunan modal insan dari perspektif agama: Islam sebagai fokus. *journal of human capital development*, Vol.7, No.1, January-June.
- Raihanah, A. (1998). Permasalahan moral masyarakat Islam dari perspektif undang-undang. *Jurnal Syariah, UM*, 1.
- Rashid, A. (2003). *Surah Luqman: mendidik anak cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Suraiya, I. (2011). Model kepemimpinan etika berlandas sirah Nabi Muhammad SAW. *Jurnal Hadhari*, 23-44.
- Zulkifli, Y. (2004). gejala sosial dalam komuniti: satu sorotan penyelesaian dari perspektif wahyu. *Seminar antarabangsa nilai dalam komuniti pasca modenisme*. Langkawi.